

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary
[Bachok]

TARIKH : 24 Nov 2015

SOALAN : Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary
[Bachok] minta **MENTERI**
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS
TANI menyatakan projek pertanian
dan perternakan yang berpotensi
dilaksanakan di kawasan Parlimen
Bachok. Nyatakan senarai projek-
projek pertanian dan penternakan
yang telah berjaya dilaksanakan di
Bachok. Apakah projek penternakan
rusa sesuai dilaksanakan di kawasan
Bachok.

Tuan Yang DiPertua,

Berdasarkan data Jabatan Pertanian bagi tahun 2014, seluas 738.4 hektar tanah di kawasan Jajahan Bachok telah dibangunkan dengan tanaman sayur-sayuran, buah-buahan, kelapa dan nanas melibatkan seramai 1,561 orang petani. Projek yang dijalankan ini telah berjaya menghasilkan sebanyak 13.1 juta metrik tan tanaman makanan dengan anggaran jumlah pendapatan sebanyak RM13.5 juta.

Bagi sektor ternakan pula, terdapat kira-kira 3,779 penternak di Jajahan Bachok yang mengusahakan pelbagai bidang penternakan. Beberapa projek penternakan yang berjaya yang sedang dilaksanakan di kawasan ini antaranya adalah:

- (i) 3 projek lembu pedaging;
- (ii) 1 projek penternakan lembu tenusu;
- (iii) 2 projek penternakan kambing pedaging;
- (iv) 1 projek penternakan kambing tenusu;
- (v) 2 projek penternakan bebiri;
- (vi) 2 projek penternakan ayam pedaging;
- (vii) 4 projek penternakan ayam kampung; dan
- (viii) 2 projek penternakan rusa.

Prestasi ladang ternakan rusa tersebut menunjukkan bahawa penternakan rusa memang sesuai dijalankan di

Jajahan Bachok. Baka *Tomorrensis* yang menjadi baka utama dalam penternakan rusa didapati mampu menunjukkan prestasi yang baik. Penternakan rusa juga boleh dilaksanakan tanpa memerlukan kawasan yang luas kerana rusa boleh ditenak secara intensif dan memudahkan pengendalian.

Senario ini menunjukkan tiada halangan untuk bakal-bakal pengusaha yang berminat untuk menceburkan diri dalam industri penternakan rusa di Jajahan Bachok.